



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	10/4/2021	MUKA SURAT	: 22
JABATAN	:	JPSM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Lebih 10,000 balak ditanam di Hutan Simpan Sempam

BH 10/4/2021 M/S 22

Raub: Pejabat Hutan Daerah Raub menanam lebih 10,000 pelbagai spesies pokok balak di kawasan yang diceroboh di Kompartmen Satu, Hutan Simpan Sempam, Mukim Tras, di sini.

Kawasan seluas 16.2 hektar itu diteroka secara haram oleh pihak tidak bertanggungjawab yang mengusahakan tanaman pisang, durian klon jenis Musang King dan Duri Hitam.

Pegawai Hutan daerah, Shahril Mohamad, berkata pihaknya mengadakan program menanam secara berperingkat hingga akhir tahun ini memabitkan sekurang-kurangnya tiga spesies pokok balak yang sesuai di kawasan tersebut.

Katanya, fasa pertama penanaman memabitkan lebih 100 pokok spesies keladan sudah dilakukan kakitangannya, manakala

program menanam seterusnya akan dilakukan selepas Aidilfitri.

Beliau berkata, bekalan anak pokok bagi fasa pertama diterima dari tapak sematan Pejabat Pemangku Hutan Pahang Barat, Rotan Tunggal, di sini, manakala spesies lain turut akan ditanam ialah meranti dan merawan serta beberapa spesies lain.

"Proses memusnahkan pokok pisang, durian klon Musang King dan Duri Hitam masih belum selesai sepenuhnya. Faktor keluasan serta bentuk muka bumi yang berukir menyebabkan proses berkenaan memakan masa lebih panjang. Kita terpaksa melakukan proses memusnahkan pokok berkenaan secara berperingkat setiap hari," katanya ketika dihubungi, semalam.

Shahril berkata, minggu depan

dijangka semua 5,300 pokok pisang dan 4,000 durian klon Musang King serta 1,300 pokok durian Duri Hitam selesai ditanam.

Katanya, tiga individu dipercayai dalam meneroka kawasan berkenaan yang terletak di tengah Hutan Simpan Sempam, seolah-olah degil dan cuba mencabar kerajaan negeri serta pihak Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP).

Katanya, individu yang menceroboh hutan simpan di daerah ini berhadapan tindakan tegas mengikut Akta Perhutanan Negara 1984.

Sementara itu, tinjauan di kawasan tersebut mendapati selain penanaman pisang dan durian, penceroboh turut membina kolam ternakan ikan air tawar serta menanam sayur.



Kakitangan Pejabat Hutan Daerah Raub menanam pokok keladan di Hutan Simpan Sempam, Mukim Tras. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)